

4,245 syarikat kena tindakan kesalahan berkaitan GST

→ Tak kemuka penyata, gagal mendaftar antara dilakukan peniaga

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Sebanyak 4,245 syarikat, setakat ini sudah dan sedang diambil tindakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kerana pelbagai kesalahan berkaitan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan 1 April tahun lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Subromaniam Tholasy, berkata daripada jumlah terbabit, sebanyak 1,768 syarikat masing-masing dikenakan kompaun.

30 syarikat dalam perbicaraan

“Sebanyak 281 syarikat akan dihadapkan ke mahkamah dalam tempoh terdekat ini, sebaik kertesiasatan siap dan kebenaran pendakwaan diterima daripada

Timbalan Pendakwa Raya.

“Ketika ini juga, 30 syarikat lagi masih dalam prosiding perbicaraan, manakala tiga syarikat sudah dijatuhkan hukuman, susulan sabitan terhadap kesalahan berkaitan GST yang dilakukan mereka,” katanya kepada BH, semalam.

Subromaniam berkata, JKDM juga sedang menyiasat 2,163 syarikat lagi sebelum menentukan tindakan yang perlu diambil susulan kesalahan yang dilakukan mereka.

“Sejak pelaksanaan GST, kami mengenal pasti pelbagai kesalahan antaranya tidak mengemukakan penyata, gagal mendaftar, selain ada yang mengutip cukai itu secara haram serta enggan mengeluarkan invoice kepada pelanggan,” katanya.

Stesen minyak didenda RM72,000

Isnin lalu, sebuah stesen minyak didenda RM72,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, selepas pemiliknya mengaku bersalah terhadap sembilan pertuduhan, berkaitan kegagalan mengemukakan penyata GST kepada JKDM.

Syarikat itu disabitkan kesalahan mengikut Seksyen 41(1) Akta GST 2014, yang boleh didenda sehingga maksimum RM50,000 atau dipenjara sehingga tiga tahun atau keduanya bagi setiap pertuduhan.

Fakta nombor

1,768 SYARIKAT dikenakan kompaun

281 SYARIKAT akan dihadapi ke mahkamah



JKDM juga sedang menyiasat 2,163 syarikat lagi”

Subromaniam Tholasy,
Timbalan Ketua Pengarah
Kastam (Penguatkuasaan
dan Pematuhan)

